

# Dasar terhadap

BH 10 MAR 2000

Daripada Johari Mohd

JAKARTA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kepentingan Indonesia sebagai rakan dagang Malaysia, yang semakin meningkat sejak beberapa tahun lalu, tidak akan menurun dalam jangka panjang.

Perdana Menteri berkata, setrua perubahan di Indonesia tidak akan menukarkan hakikat bahawa ia masih sebuah negara penting di rantau ini dengan dasarnya menyumbang kepada kerjasama serantau, kestabilan Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

“Saya percaya lebih banyak peluang akan muncul untuk membina Indonesia ke arah lebih baik dan memperbaiki kehidupan rakyat biasanya serta peluang untuk tengkuhkan lagi jalinan persahabatan antara kedua-dua negara,” katanya.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke sini berucap di forum dan jamuan makan tengah hari

usahawan Malaysia dan Indonesia. Kira-kira 300 usahawan kedua-dua negara menghadiri forum perdagangan bertemakan ‘Membina semula peluang-peluang perniagaan di Indonesia’ itu.

Ia dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli), dewan perdagangan dan industri kedua-dua negara, Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) Indonesia, dan Institut Pembangunan Kepimpinan Korporat (CLDI).

Delegasi perdagangan Malaysia seramai 150 orang diketuai Pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli, yang juga presiden Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, dasar luar Malaysia terhadap Indonesia tidak akan berubah walaupun banyak perubahan berlaku di republik ini.

“Dan dasar luar Malaysia itu akan tetap kekal sedemikian kerana kedua-

dukan strategik Indonesia tidak akan berubah, begitu juga dengan geografi dan penduduknya,” katanya yang menyifatkan perjumpaan hari ini sebagai contoh semangat kerjasama kukuh antara kedua-dua negara.

Malaysia masih lagi rakan dagang Indonesia yang ketiga besarnya dalam Asean. Dari segi perdagangan global pula, Indonesia adalah rakan dagang Malaysia ke-13 terbesar pada 1997.

Dr Mahathir berkata, walaupun prospek jangka pendek belum dapat dipastikan, prospek jangka panjang mempunyai peluang baik. Beberapa syarikat Malaysia sedang menilai setrua operasi mereka di republik ini.

“Kebanyakannya kini aktif untuk terus aktif di republik ini dan ini menggambarkan keyakinan mereka dalam prospek jangka panjang,” katanya.

Perdana Menteri yakin, dengan pembaharuan dalam struktur ekonominya

## Indonesia kekak PM

ke arah yang lebih berat dan kestabilan politik, Indonesia sekali lagi akan dapat memanfaatkan aset nasionalnya dengan baik.

“Saya juga yakin Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur mampu memulihkan ekonomi Indonesia sepenuhnya,” katanya.

Beliau juga mengulangi keyakinannya bahawa ekonomi negara Asia Timur akan pulih dan pemulihan itu disertai oleh keadaan ekonomi dan politik yang lebih terbuka, telus dan anjal.

“Sudah tentu bukan saja peluang akan bertambah, urusan perniagaan juga akan menjadi lebih mudah. Mereka yang dapat meneruskan dagangan ketika kegawatan ekonomi sudah tentu akan lebih berjaya dalam iklim baru ini,” katanya.

Walaupun dagangan dalam Asean merosot sewaktu krisis ekonomi dan

keuangan, ia berkembang 90 peratus, daripada AS\$82 bilion pada 1993 kepada AS\$156 bilion pada 1997.

“Sudah tentu dengan pemulihan ekonomi seluruh Asean, dagangan dalam rantau ini akan berkembang semula dan mencapai paras yang lama dan lebih-hinya dalam masa tidak terlalu lama,” katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan gejala gelombang globalisasi yang dihadapi kedua-dua negara. Pada awal baru ini, katanya, globalisasi serta revolusi dalam teknologi maklumat dan komunikasi bergolak pantas dengan pengaliran modal, barangan, perkhidmatan, idea dan maklumat akan berterusan tanpa sekat.

Sementara negara maju akan mendapat banyak keuntungan daripada proses itu, negara membangun mesti bersiap sedia untuk menghadapi cabaran yang tidak dapat dipastikan.

“Globalisasi meningkatkan tekanan persaingan dalam pasaran domestik dengan menghukulkan ruang kepada pergerakan modal yang besar masuk dan keluar negara.

“Kita tahu ini boleh menghancurkan keseluruhan ekonomi negara berkenaan. Lihat sahaja krisis kewangan Asia lalu yang menghancurkan ekonomi harimau-harimau Asia Timur dengan begitu teruknya,” katanya.

Beliau berkata, negara membangun seperti Malaysia, Indonesia dan anggota Asean lain hendaklah mengkaji secara mendalam mengenai globalisasi dan kesannya terhadap mereka jika mahu mendapatkan sesuatu daripada proses itu.

“Selepas itu kita tentukan pendirian kita bersama dan kita kemukakan pendapat kita dan tafsiran kita. Jika tidak, globalisasi akan menbinasakan kita,” katanya.